

# Iktibar musibah jerebu 1997

Sinar 22/6/13 MS 2

RISWANDI RAZAK

**JEREBU** adalah masalah yang sukar untuk dikawal kerana puncanya datang dari luar yang dipisahkan oleh sempadan pentadbiran dan kedaulatan berasingan. Memudahkan kefahaman, Malaysia dan Singapura kini dihadapkan dengan masalah jerebu yang asalnya daripada pembakaran hutan di Sumatera, Indonesia.

Keadaan diburukkan lagi oleh faktor cuaca - monsun barat daya - yang bawa angin kering dan panas selain kurangnya hujan ke kawasan terbabit. Paling terjejas ialah Singapura dan Johor, negeri yang berjiran dengan Singapura.

Keadaan jerebu di Singapura bertambah buruk dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU) dicatat pada jam 11 pagi semalam sudah mencapai tahap berbahaya iaitu 400.

Manakala, di Johor pula, keadaan jerebu yang semakin teruk telah menyebabkan lebih banyak sekolah terpaksa diarah bercuti mulai semalam.

Walaupun hanya kawasan selatan Semenanjung sahaja terjejas, penduduk di kawasan lain terutama Pantai Barat tidak harus mengambil sikap mudah dalam menangani isu ini.

Rakyat di Malaysia perlu mengambil iktibar peristiwa jerebu 1997 yang melanda negara akibat pembakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan. Tahap pencemaran yang terlalu teruk pada masa itu mendorong kerajaan mengisytiharkan darurat di Sarawak kerana bacaan IPU melebihi tahap sangat bahaya.

Pada September 1997, kebakaran hutan di Indonesia yang dianggarkan seluas empat juta padang bola sepak



Kebakaran tanah gambut adalah cabaran utama anggota bomba ketika melaksanakan Operasi Haze, 1997 di Indonesia. (Foto - History Channel)

| NILAI IPU | KUALITI UDARA      |
|-----------|--------------------|
| 0 - 50    | Baik               |
| 51 - 100  | Sederhana          |
| 101 - 200 | Tidak sihat        |
| 201 - 300 | Sangat tidak sihat |
| 301 - 400 | Berbahaya          |
| 401 - 500 | Sangat berbahaya   |
| Lebih 501 | Darurat            |

\*Petunjuk bacaan IPU dan Kualiti udara.

telah merebak di luar kawalan dan boleh dilihat dari angkasa.

Kebakaran itu menghasilkan awan asap kuning di hampir kesemua kawasan Asia Tenggara, sehingga ke utara Australia.

Tun Dr Mahahir Mohamad, perdana menteri ketika itu terpaksa mengisytiharkan darurat, menutup

sekolah, pejabat kerajaan dan kedai di seluruh negara.

"Ia amat mengecewakan kerana masalah ini bukanlah sesuatu yang boleh dihilangkan begitu sahaja. Kita hanya boleh berharap kebakaran akan berhenti dan angin akan meniup jerebu tersebut," kata Dr Mahathir yang dipetik dalam satu dokumentari bersama History Channel.

Bagi mengatasi masalah ini, satu rancangan bijak telah dicadangkan Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Dr Soh Chai Hock untuk menghantar pasukan pemadam api Malaysia ke Indonesia.

'Operasi Haze' dilancar sebagai misi memadam api terbesar dalam sejarah iaitu seramai 1,200 bomba di-

kerah memadam api yang melitupi hampir keseluruhan Sumatera dan Kalimantan selama lebih 25 hari.

Dalam operasi tersebut, pasukan bomba menghadapi pelbagai masalah susulan jumlah bilangan titik panas yang mencecah sehingga 37,938.

Selain itu, pasukan bomba juga menghadapi ancaman seperti kebakaran tanah gambut yang berisiko menjadi 'lubang maut' sekiranya anggota terjerumus dalam lubang yang masih mempunyai api dalam tanah.

Pasukan ini juga berdepan masalah kekurangan peralatan bersesuaian dan kekurangan sumber air.

Namun, masalah jerebu ini akhirnya, diselesaikan selepas 25 hari dan jarak penglihatan kembali normal de-

ngan bantuan hujan monsun.

Fenomena ini mendapat perhatian media antarabangsa dan setelah dikaji semula, hampir 10 juta hektar hutan musnah serta dianggarkan 40,000 orang mendapatkan rawatan dari hospital.

Sektor pelancongan juga terjejas teruk akibat kekurangan jumlah pelancong dalam dan luar negara datang ke Asia Tenggara.

Kebanyakan rakyat Malaysia yang merasai musibah pada 1997, akan ingat akibat jerebu ini, negara tidak dapat cahaya matahari dalam tempoh yang lama, selain menyebabkan masalah penglihatan yang terhad.

Isu jerebu bukan isu yang boleh dijangka, sebaliknya masalah ini hadir akibat pelbagai faktor seperti kehadiran angin monsun dan jumlah pencemaran udara yang tinggi.

Bagi kawasan yang terjejas seperti Muar, Kota Tinggi, Pasir Gudang, Bukit Rambai dan Bandaraya Melaka, penduduk kawasan itu perlu memakai topeng sebagai langkah berjaga-jaga.

Isu ini adalah perkara biasa bagi Asia Tenggara, susulan jerebu 1997, tujuh anggota Asean tandatangan Perjanjian Asean mengenai Jerebu Merentas Sempadan pada 2002.

Selain jerebu 1997, Malaysia pernah hadapi jerebu pada 2005 dan 2006. Pada Ogos 2005, kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan menyebabkan jerebu yang agak teruk di pantai barat Semenanjung terutamanya di sekitar Lembah Klang. Perkara yang sama juga berlaku pada 2006.

Diharap peristiwa jerebu 1997 ini akan menjadi iktibar kepada kesemua pihak dan wajar dijadikan peringatan agar perkara sama tidak berulang.